

26 MAY 1996

PRESIDEN KAZAKSTAN TIBA UNTUK LAWATAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Presiden Republik Kazakhstan Nursultan Nazarbayev tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang hari ini untuk memulakan lawatan negara empat hari.

Nazarbayev dan isteri, Sara A. Nazarbayeva serta rombongan perdagangan 30 orang disambut oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Pengiring Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Nazarbayev akan diberi sambutan rasmi di Medan Parlimen esok manakala pada sebelah tengah hari, beliau dijadualkan bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri.

Nazarbayev dan isterinya akan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Bangunan Parlimen pada malamnya sebelum diraikan pada Jamuan Negara.

Pada hari ketiga lawatan, Nazarbayev akan melawat Unit Perancang Ekonomi dan kilang Proton di Shah Alam sebelum mengadakan kunjungan perpisahan ke atas Seri Paduka berdua di bangunan Parlimen.

Mereka akan berlepas ke Singapura dengan pesawat khas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang pada hari Rabu.

-- BERNAMA

RAZ AHH